

# PERMOHONAN SIJIL PERAKUAN BOMBA

Pengarang: Ir. Dr. Justin LAI Woon Fatt | 26 Julai, 2020

## Pengenalan Sijil Perakuan Bomba

Merujuk kepada Akta Perkhidmatan Bomba 1988, premis yang berisiko tinggi terdedah kepada kebakaran, wajib mendapatkan Sijil Perakuan Bomba (**Fire Certificate, FC**) yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) untuk memastikan premis-premis tersebut selamat diduduki. Kebiasaannya, pemilik premis, penghuni, dan jawatankuasa pengurusan premis bertanggungjawab untuk membuat permohonan Sijil Perakuan Bomba.

### • Apakah Jenis Premis Yang Memerlukan Sijil Perakuan Bomba?

Menurut kepada Akta Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998, premis ditetapkan yang memerlukan permohonan Sijil Perakuan Bomba disenaraikan di dalam jadual di bawah <sup>[1]</sup>:

No.	Jenis Premis	Saiz	Tempat
1	Perpustakaan	Jumlah keluasan lantai melebihi 1000 meter persegi	Semua Tempat Di Malaysia.
2	Hospital dan Rumah Rawatan	i. 3 tingkat dan lebih di mana setiap kawasan lantai melebihi 250 meter persegi ii. 5 tingkat atau lebih	
3	Hotel	i. Reka bentuk laluan langkan terbuka: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 4 tingkat atau lebih dengan lebih daripada 50 bilik</li> <li>• 6 tingkat atau lebih</li> </ul> ii. Rekabentuk lain - 21 bilik atau lebih.	
4	Asrama dan Dormitori	i. 4 tingkat dan lebih di mana setiap kawasan lantai melebihi 250 meter persegi ii. 6 tingkat atau lebih	
5	Pejabat	Ketinggian melebihi 30 meter atau jumlah keluasan lantai melebihi 10,000 meter persegi	
6	Kedai	Jumlah keluasan lantai 2001 meter persegi dan lebih	
7	Kilang	i. 1 tingkat 2001 meter persegi dan lebih yang terpasang sistem semburan automatik ii. 2 tingkat di mana setiap lantai yang dibina sebagai ruang berasingan, pembinaan tunggal atau teras melebihi 1000 meter persegi iii. 3 tingkat atau lebih iv. Kilang Bertingkat Pembangunan Blok Pendekatan Langkan Terbuka 2 tingkat dan lebih di mana setiap ruang melebihi 7000 meter padu v. Struktur khas: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kompleks kilang seperti kompleks kisar kelapa sawit, kilang penapis minyak, kerja simen, dll</li> <li>• proses berbahaya</li> </ul>	
8	Tempat Perhimpunan	i. Bangunan tanpa sistem penyaman udara pusat 2000 meter persegi dan lebih ii. Bangunan dengan sistem penyaman udara pusat melebihi 1000 meter persegi atau dengan muatan 1000 orang dan lebih	
9	Storan dan Am	i. Struktur tempat letak kereta bawah tanah melebihi 1000 meter persegi ii. Lebih daripada 7000 meter padu iii. 2 tingkat atau lebih dengan lebih daripada 100 meter persegi (Keluasan jumlah lantai)	

- **Bangunan Yang Dikecualikan Daripada Memperolehi Sijil Perakuan Bomba?**  
Merujuk kepada Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Seksyen 28 (3), rumah yang diduduki sebagai kediaman persendirian dan tempat beribadat **boleh dikecualikan** daripada mendapatkan Sijil Perakuan Bomba. <sup>[2]</sup>
- **Bagaimana Sekiranya Premis Yang Ditetapkan Tidak Mendapat Sijil Perakuan Bomba?**  
Merujuk kepada Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Seksyen 33, sekiranya premis yang ditetapkan tidak memperolehi Sijil Perakuan Bomba, pemilik bangunan tersebut akan dikenakan **denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun** atau kedua-duanya dan boleh dikenakan denda tambahan sebanyak RM100 untuk setiap hari selepas disabitkan bersalah. <sup>[2]</sup>
- **Permohonan Sijil Perakuan Bomba**  
Setelah memperolehi Sijil Penyempurnaan dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance, CCC), premis baru mesti mendapatkan Sijil Perakuan Bomba dari BOMBA. Permohonan boleh dibuat di ibu pejabat BOMBA atau stesen BOMBA tertentu berdasarkan lokasi tapak projek. <sup>[3]</sup>

Pemohon perlu menggunakan **Borang I** untuk memohon Sijil Perakuan Bomba. Berikut adalah senarai dokumen yang perlu disertakan semasa membuat permohonan <sup>[4]</sup>:

- i. Salinan CCC
- ii. Salinan Pelan Bangunan (yang telah diluluskan oleh BOMBA semasa pengeluaran CCC)
- iii. Salinan Perjanjian Jual Beli
- iv. Salinan Hakmilik Tanah
- v. Salinan Penilaian
- vi. Salinan Lesen Perniagaan

Selain itu, BOMBA telah mewajibkan semua premis ditetapkan untuk memiliki **Sistem Pemantauan Kebakaran Otomatis (SPKA)** untuk menghubungkan sistem penggera kebakaran mereka ke balai bomba terdekat <sup>[4]</sup>. Sistem ini sangat penting bagi mencegah kerugian semasa kecemasan. Ia akan mengesan kebakaran pada peringkat awal, memberitahu pemilik atau penyewa mengenai kebakaran tersebut, dan melaporkan kejadian tersebut kepada BOMBA. Sistem Pemantauan Berkomputer (Computerized Monitoring System, CMS) yang lama telah digantikan oleh SPKA yang merupakan sistem terbaru yang digunakan oleh BOMBA. Mana-mana premis yang tidak mempunyai sistem SPKA tidak akan dikeluarkan Sijil Perakuan Bomba.

Setelah pihak BOMBA menyemak semua dokumen yang dilampirkan, pihak BOMBA akan mengatur pemeriksaan. Sekiranya sistem perlindungan kebakaran teratur, pemohon boleh meneruskan pembayaran dan Sijil Perakuan Bomba akan dikeluarkan.

- **Pembaharuan Sijil Perakuan Bomba**  
Merujuk kepada peraturan Perkhidmatan Bomba 2001 (Sijil Perakuan Bomba), tempoh sah sijil **hanya 1 tahun** dari tarikh sijil dikeluarkan <sup>[5]</sup>. Pembaharuan sijil hendaklah dilakukan setiap tahun. Pemohon hendaklah menggunakan **Borang III** untuk memohon pembaharuan Sijil Perakuan Bomba dan permohonan pembaharuan hendaklah dilakukan 30 hari sebelum tarikh luput sijil. Segala pembaharuan tertakluk kepada pemeriksaan BOMBA.
- **Bolehkah Premis Diubahsuai Setelah Mendapatkan Sijil Perakuan Bomba?**  
Merujuk kepada Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Seksyen 32, mana-mana premis yang memiliki Sijil Perakuan Bomba tidak boleh melakukan pengubahsuaian yang akan menyebabkan sistem perlindungan kebakaran sediaada menjadi tidak mencukupi<sup>[2]</sup>. Mana-mana premis yang memiliki Sijil Perakuan Bomba tidak boleh melakukan pengubahsuaian yang akan menyebabkan sistem perlindungan kebakaran sediaada menjadi tidak mencukupi<sup>[2]</sup>. Sekiranya memerlukan pengubahsuaian, pemohon mesti membuat penyerahan lukisan

sistem pemadam kebakaran kepada BOMBA sebelum membuat perubahan. BOMBA akan menyemak pelan yang dihantar. Sekiranya mematuhi standard, BOMBA akan mengatur pemeriksaan di tapak. Sijil Perakuan Bomba yang baru akan dikeluarkan setelah pembayaran selesai.

- **Adakah Pemohon Mempunyai Hak Untuk Merayu?**

Merujuk kepada Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Seksyen 34, pemohon mempunyai hak untuk merayu. Jika Bomba enggan mengeluarkan Sijil Perakuan Bomba, pemohon boleh membuat surat rayuan kepada Ketua Pengarah Bomba dalam masa 21 hari. Ketua Pengarah Bomba akan meneliti rayuan dan akan membuat keputusan akhir.

### **Kesimpulan**

Ringkasnya, pemilik sesebuah premis mempunyai tanggungjawab untuk memeriksa sama ada perlu mendapatkan Sijil Perakuan Bomba. Sekiranya Sijil Perakuan Bomba diperlukan, pemilik premis boleh mengikuti panduan di atas untuk memohon. Dengan berbuat demikian, pemilik premis boleh memastikan premisnya selamat untuk diduduki dan dapat mengelakkan didenda oleh BOMBA.

### **Ir. Dr. Justin LAI Woon Fatt**

CEO/ Pengasas

IPM Group

*Rujukan:*

[1] Perintah Perkhidmatan BOMBA (Premis Ditetapkan) 1998. (1998, July). Akta Perkhidmatan BOMBA 1998. P.U. (A) 276/1998.

[2] Fire Services Act 1988. (2006, January). Page 21-26. Official Portal Fire and Rescue Department of Malaysia. Retrieved from [http://www.bomba.gov.my/bomba/resources/Akta\\_Bomba\\_\(english\).pdf](http://www.bomba.gov.my/bomba/resources/Akta_Bomba_(english).pdf)

[3] Jadual Pejabat Zon Bomba dan Pihak Berkuasa Tempatan. (2020, March). Official Portal Fire and Rescue Department of Malaysia. Retrieved from

[http://www.bomba.gov.my/bomba/resources/user\\_1/UploadFile/Orang%20Awam/Perkhidmatan/jadual\\_pejabat\\_zon.pdf](http://www.bomba.gov.my/bomba/resources/user_1/UploadFile/Orang%20Awam/Perkhidmatan/jadual_pejabat_zon.pdf)

[4] Perakuan Bomba. (2020, February). Official Portal Fire and Rescue Department of Malaysia. Retrieved from <http://www.bomba.gov.my/index.php/pages/view/303>

[5] Peraturan-Peraturan Perkhidmatan BOMBA (Perakuan BOMBA) 2001. (2001, August). Akta Perkhidmatan BOMBA 1998. P.U. (A) 241/2001

*\*\*This Malay translation is for reference only. If the meaning of the Malay translation is inconsistent with the original English version, the original English version shall prevail.*